

27/10/2003

Pertahankan `cara kita' (HL)

Kadir Dikoh; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersara Jumaat ini, meminta supaya `cara kita' untuk membangunkan negara dikekalkan kerana ia

terbukti berjaya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau berpuas hati kerana tidak dihalau daripada arena politik dan dapat sokongan walaupun ketika bersara.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam, Dr Mahathir berkata:

"Kita berjaya membina sebuah negara yang memberi kehidupan yang baik, yang membanggakan, dihormati oleh setiap orang. Kita sudah lakukan semua ini...our way (dengan cara kita). Kita mesti sentiasa cuba dan pertahankan

cara kita ini supaya Malaysia akan terus maju, membangun dan rakyatnya terus hidup selesa.

"Inilah harapan kita semua. Ini juga adalah harapan saya ketika waktu saya berundur diri daripada arena politik ini. Saya berundur diri kerana agak lama juga, dalam kerajaan sejak 1974, sudah 29 tahun termasuk sebagai

Perdana Menteri. Sudah tiba masanya saya bersara.

"Saya berasa amat puas hati dan gembira kerana saya tidak dihalau daripada arena politik. Sebaliknya, saya masih dapat sokongan ketika saya

bersara sekali pun. Secara langsung (selepas bersara), saya tidak akan terbabit, saya tidak akan pegang jawatan apa-apa, tidak akan jadi Menteri

Kanan dalam Kabinet, tetapi apabila datang pilihan raya, saya akan cuba berkempen untuk semua parti," katanya.

Perdana Menteri yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, `cara

kita' turut berjaya menyemarakkan perasaan baru di kalangan anak tempatan

yang begitu bangga menjadi anak Malaysia walaupun menetap di negara lain.

Beliau berkata, mereka bangga mendabik dada sebagai anak Malaysia di mana saja mereka berada kerana negara ini sudah maju, aman dan dihormati dunia melalui kaedah tersendiri sehingga perasaan cinta kepada tanah air sendiri semakin menebal.

Hadir sama Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden PPP,

Datuk M Kayveas dan ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dalam ucapan selama 30 minit itu juga, Dr Mahathir yang kelihatan riang

turut mencuit hati hadirin apabila menyebut mengenai lagu kegemarannya "My

Way" nyanyian Frank Sinatra.

"Ada orang menyanyi lagu My Way. Dulu saya marah kenapa menyanyi lagu My

Way, kerana ia bermula dengan and now the end is near (dan sekarang akhirnya semakin dekat). Tetapi sekarang tak apa, dalam tempoh enam hari lagi, saya akan mengundur diri, jadi akhir itu semakin dekat. So please sing my way (Jadi, nyanyikanlah lagu My Way)," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sekarang ini sudah menjadi sebuah negara yang terkenal kerana pelbagai sebab. Pertama negara ini yang rakyatnya mempunyai pelbagai kaum, hidup aman dan maju.

"Sekarang pula kita dapati ramai rakyat Malaysia telah pergi ke negara-negara lain untuk bekerja dan berniaga. Saya berada di Papua New Guinea, di mana terdapat 3,000 orang Malaysia di sana.

"Dulu tak ada seorang pun dan mereka berniaga di sana, mereka berjaya, mereka tidak lupa bahawa mereka adalah dari Malaysia. Sambutan yang hangat diberi kepada saya apabila saya tiba di Papua New Guinea, mereka begitu bangga sebagai rakyat Malaysia.

"Inilah perasaan baru, bangga menjadi rakyat Malaysia di mana saja mereka berada. Di New York, ada 100,000 rakyat Malaysia dan saya diberi sambutan juga di New York dengan kehadiran ratusan rakyat Malaysia.

Mereka menyanyi lagu kebangsaan dan lagu patriotik," katanya.

Beliau berkata, walaupun berada di negara lain, sesetengahnya menjadi pemastautin tetap tetapi mengekalkan pasport Malaysia kerana mahu balik ke negara ini dan tidak lupa kepada negara sendiri walaupun memperoleh pendapatan tinggi di negara luar.

Katanya, banyak perkara yang tidak dibuat oleh negara lain di dunia ini dilakukan oleh Malaysia seperti menjadikan setiap sambutan perayaan sebagai sambutan kebangsaan bagi mengukuhkan perpaduan rakyat.

"Itu adalah cara kita untuk merapatkan hubungan antara kaum, antara penganut agama yang berlainan," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan rakyat supaya mengamalkan budaya hidup yang mulia kerana kebolehan dan ilmu pengetahuan yang tinggi saja tidak mampu menjamin kejayaan negara.

Katanya, tanpa amalan hidup yang murni, mereka yang berpengetahuan dan berkebolehan berupaya menyalahgunakannya untuk tujuan yang tidak baik.

"Kita mungkin belajar sehingga mendapat ijazah kedoktoran, PhD, itu adalah kebolehan kita, tetapi jika budayanya tidak baik maka kita akan gunakan kecekapan kita itu untuk merancang bagaimana menyamun sebuah bank umpamanya.

"Sebab itu kita bukan perlu kepada ilmu pengetahuan saja, kita perlu bentuk budaya yang baik yang boleh memberi kebaikan kepada kita, kejayaan kepada kita," katanya.

Pada masa yang sama juga, Dr Mahathir melahirkan rasa hairan kerana di sebalik kejayaan negara, masih ada segelintir rakyat yang membantah usaha kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan rakyat yang menjadi asas kejayaan negara.

Beliau berkata, usaha kerajaan menggalakkan lebih ramai murid bukan Melayu belajar di sekolah kebangsaan, untuk memupuk semangat perpaduan pada peringkat awal, disalahertikan sebagai cuba membelakangkan sekolah

aliran jenis kebangsaan.

Katanya, tindakan kerajaan menubuhkan sekolah wawasan yang menempatkan tiga jenis sekolah dalam satu kawasan juga disalah anggap kononnya kerajaan cuba menghapuskan bahasa ibunda kaum lain.

"Tidak ada niat, cuma di Malaysia saja yang ada sekolah bahasa bukan kebangsaan. Di negara-negara lain di Asia Tenggara tidak dibenarkan, di Amerika Syarikat tidak ada, di Australia tidak ada sekolah Cina yang dibiayai oleh orang Australia.

"Saya tidak faham kenapa bersikap sedemikian di sebalik negara kita memberi kehidupan yang sempurna kepada kita semua," katanya.